

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah majikan yang telah dapat bantuan Program Subsidi Upah (PSU) selepas pendaftaran majikan dilanjutkan sehingga **31 Ogos 2020** mengikut pecahan negeri berbanding dengan tarikh tutup pendaftaran sebelum **1 April 2020**.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan amat prihatin dengan nasib rakyat dan juga berusaha untuk memastikan keadaan ekonomi negara dapat dipulihkan.
2. Program Subsidi Upah yang berkuatkuasa pada 1 April 2020 telah tamat pada 30 September 2020. Pada 1 April 2020 sebanyak **231,815** permohonan majikan telah diterima dan mendapat manfaat dalam program ini. Manakala sehingga 30 September 2020 sebanyak **331,950** permohonan diterima dan memanfaatkan lebih **2.7 juta** pekerja.
3. Seterusnya, pada 23 September 2020 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Program Subsidi Upah 2.0 berkuatkuasa pada 1 Oktober 2020 untuk tempoh tiga (3) bulan. Sehingga 27 November 2020, **77,882** majikan telah mengemukakan permohonan untuk Program Subsidi Upah 2.0 yang melibatkan **782,904** pekerja.

4. Bantuan Program Subsidi Upah kepada majikan berdasarkan pecahan negeri adalah seperti berikut:

- i. Pertamanya, Selangor **83,945** permohonan majikan;
- ii. Kedua, Johor **46,322** permohonan majikan;
- iii. Ketiga, Kuala Lumpur **40,050** permohonan majikan;
- iv. Keempat, Sarawak **29,785** permohonan majikan;
- v. Kelima, Pulau Pinang **24,821** permohonan majikan;
- vi. Keenam, Perak **23,636** permohonan majikan;
- vii. Ketujuh, Sabah **19,517** permohonan majikan;
- viii. Kelapan, Kedah **14,097** permohonan majikan;
- ix. Kesembilan, Pahang **12,049** permohonan majikan;
- x. Kesepuluh, Negeri Sembilan **10,336** permohonan majikan;
- xi. Kesebelas, Melaka **10,570** permohonan majikan;
- xii. Keduabelas, Terengganu **7,734** permohonan majikan;
- xiii. Ketigabelas, Kelantan **5,828** permohonan majikan;
- xiv. Keempatbelas, Labuan **1,398** permohonan majikan;
- xv. Kelimabelas, Perlis **1,422** permohonan majikan;
- xvi. Keenambelas, Putrajaya **421** permohonan majikan

Sekian, terima kasih.